

BIASISWA KECEMERLANGAN MENTERI BESAR PAHANG

Biasiswa berprestij yang dikenali dengan nama **Biasiswa Kecemerlangan Menteri Besar (BKMB)** ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar anak Pahang yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Biasiswa ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam di dalam negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Yayasan Pahang (YP) hingga ke peringkat pengajian tertinggi iaitu ke peringkat **Sarjana dan Kedoktoran** tertakluk kepada kecemerlangan akademik dan kokurikulum. Biasiswa ini ditawarkan oleh YP selaras dengan matlamat jangka panjang Kerajaan Negeri Pahang untuk mewujudkan golongan pemikir dan profesional dalam usaha membangunkan modal insan bertaraf dunia.

NILAI ANUGERAH

Jenis pembiayaan	Kadar (RM)	
	Perubatan (RM)	Lain-lain Bidang (RM)
Elaun Sara Hidup	9,240/tahun	8,400/tahun
Elaun Buku	1,000/tahun	600/tahun
Elaun Alat Perkakas	500	
Elaun Tesis	400	
Elaun Kertas Projek	200	
Elaun Komputer	5,000 (maksima)	
Yuran Pengajian	Seperti yang ditetapkan oleh institusi pengajian	
Tambang Kapal Terbang	Sekali setahun; pergi dan balik untuk institusi pengajian di Sabah dan Sarawak	




ypahang@yp.org.my facebook.com/yayasanphg www.yp.org.my

PERMOHONAN
DIBUKA

PERMOHONAN

BIASISWA PENDIDIKAN YAYASAN PAHANG KE UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN BAGI TAHUN 2022



SKIM PELAJAR CEMERLANG YAYASAN PAHANG

Skim Pelajar Cemerlang Yayasan Pahang (SPC YP) ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar anak Pahang yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Di bawah skim ini, pelajar akan ditawarkan biasiswa bagi mengikuti pengajian Matrikulasi/ Program Asasi atau setaraf dengannya di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang mempunyai jalinan usahasama dengan Yayasan Pahang (YP).

a) Program Asasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Pelajar yang berjaya terpilih di bawah skim ini akan mengikuti pengajian di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM) dalam bidang Perubatan, Farmasi, Ekonomi, Perbankan / Kewangan Islam dan Pengajian Islam. Pada masa yang sama, pelajar perlu membuat permohonan Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar Bagi Sesi Akademik 2022/2023 (UPU Online) dengan menjadikan UIAM sebagai PILIHAN UTAMA. Penajaan biasiswa akan diteruskan hingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

b) Program Peneraju Profesional Akauntan Muda (FIA - ACCA).

Program ini dirancang khas untuk melahirkan golongan profesional di dalam bidang perakaunan dan dijalankan dengan kerjasama Yayasan Pahang dan Yayasan Peneraju.

Permohonan kemasukan pelajar akan diproses melalui YP. Pelajar yang berjaya terpilih di bawah skim ini akan mengikuti pengajian Foundation in Accountancy (FIA) dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) di Institusi Pengajian Tinggi yang ditetapkan oleh Yayasan Pahang dan Yayasan Peneraju.

TARIKH PERMOHONAN

16 JUN 2022 • KHAMIS

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

8 JULAI 2022 • JUMAAT

KELAYAKAN MEMOHON

- Anak Negeri Pahang Darul Makmur seperti takrif berikut :-
 - Pemohon atau bapa atau ibu dilahirkan di Negeri Pahang Darul Makmur.
 - Bagi pemohon yang ibubapanya bukan Warganegara Malaysia, adalah **Tidak Layak Memohon**.
- Mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang, mempunyai bakat kepimpinan yang tinggi serta aktif dalam kegiatan kokurikulum, kesukarelawan dan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Lulus cemerlang di peringkat **SPM atau STPM tahun 2021** seperti berikut:-
 - Calon SPM : 9 A+ ke atas
 - Calon STPM : 4 Prinsipal A
- Memohon ke Institusi Pengajian Tinggi Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan dan YP (tidak termasuk program persediaan ke luar negara).
- Mempunyai sahsiah diri yang baik dan berpersonaliti unggul.
- Mempunyai taraf kesihatan yang baik.

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat **secara atas talian serta dokumen-dokumen yang berkaitan perlu dimuatnaik** di laman sesawang Yayasan Pahang di ruangan khidmat atas talian dengan memilih ikon **Biasiswa IPT ATAU** di pautan :

sispen.yp.org.my/bispen

Borang permohonan **WAJIB** dicetak dan ditandatangani oleh pemohon serta mendapatkan pengesahan daripada wakil yang dilantik oleh YP sebelum diemailkan kepada **pinjaman@yp.org.my**

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila berhubung terus ke:

YAYASAN PAHANG
Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, 26060 Kuantan,
Pahang Darul Makmur

Tel : 09-5181800 | Faks : 09-5181888

(Zakiah bt. Saleh / Mohd Mazni Syamim bin Mohamad)

Email: zakiah@yp.org.my • syamim@yp.org.my

PENAJAAN

Jenis pembiayaan	Kadar (RM)
Elaun Sara Hidup	5,000 setahun
Yuran Pengajian	Seperti yang ditetapkan oleh institusi pengajian

KELAYAKAN MEMOHON

- Anak Negeri Pahang Darul Makmur seperti takrif berikut :-
 - Pemohon atau bapa atau ibu dilahirkan di Negeri Pahang Darul Makmur.
 - Bagi pemohon yang ibubapanya bukan Warganegara Malaysia, adalah **Tidak Layak Memohon**.
- Mempunyai kelulusan cemerlang akademik dan aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- Lulus cemerlang di peringkat **SPM tahun 2021 dengan mendapat keputusan A bagi semua matapelajaran yang diambil**.
- Mempunyai sahsiah diri yang baik dan berpersonaliti unggul.
- Mempunyai taraf kesihatan yang baik.